

**PENILAIAN PROGRAM TAHFIZ ULUL ALBAB DI
MAKTABRENDAH SAINS MARA**

MARDHIAH BINTI YAHAYA

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai program tahfiz di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) berdasarkan perspektif pelajar, amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran serta pelaksanaan Modul Quranik. Pembinaan kerangka konseptual adalah berdasarkan adaptasi model CIPP yang menggunakan keempat-empat dimensi iaitu konteks, input, proses dan produk. Kajian ini juga menilai hubungan antara pencapaian pelajar dengan tahap pelaksanaan Modul Quranik. Kajian deskriptif ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai data utama dan kualitatif sebagai data sokongan. Pemilihan subjek kajian melibatkan seramai 233 orang pelajar yang telah tamat pengajian dan 62 orang guru hafazan di MRSM Ulul Albab. Tiga jenis instrumen kajian digunakan iaitu soal selidik, temu bual dan analisis dokumen. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian *Statistical Package for the Sosial Scienes 20.0* (SPSS 20.0). Analisis deskriptif menjelaskan penilaian terhadap Program Ulul Albab manakala statistik inferensi pula melibatkan ujian kolerasi Pearson yang mencari hubungan antara pemboleh ubah kajian. Manakala data sokongan dianalisis melalui rakaman suara dan ditranskripsi mengikut tema. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan program tahfiz di MRSM Ulul Albab belum memenuhi matlamat dan objektif yang sedia ada. Masih terdapat ramai pelajar yang tidak berjaya khatam sehingga tamat tempoh pengajian. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa amalan pengajaran dan pembelajaran guru perlu ditingkatkan agar proses di dalam kelas lebih menarik dan berkesan. Selain itu juga, Modul Quranik perlu diselaraskan penggunaannya agar tidak timbul kekeliruan yang bukan sahaja dalam kalangan pelajar bahkan guru iaitu berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Analisis *Korelasi Pearson* pula menunjukkan terdapat hubungan yang lemah antara pencapaian pelajar dengan tahap pelaksanaan Modul Quranik di MRSM Ulul Albab. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan program tahfiz ini masih berada dalam tahap sederhana. Ia harus diberi tumpuan penambahbaikan dan pelaksanaan yang lebih serius agar dapat melahirkan para *huffaz* yang berkualiti tinggi demi memenuhi keperluan dan peranannya dalam masyarakat dan Negara.





AN ASSESSMENT OF TAHFIZ PROGRAM IN THE MAKTAB RENDAH SAINS MARA ULUL ALBAB

ABSTRACT

The objective of this study is to assess the hifz program in Maktab Rendah Sains MARA (MARA Junior Science College, MRSM) based on the students' perspective, teachers' teaching and learning practice as well as the Quranik Module implementation. The conceptual framework was constructed based on the adaptation of the CIPP model that utilized the four dimensions of context, input, process and product. This study also assessed the relationship between students' achievement and the implementation level of the Quranik Module. This descriptive study adopted the quantitative approach as the main data source and the qualitative approach as the supporting data. The selection of subjects involved 233 graduated students and 62 hifz teachers at MRSM Ulul Albab. Three types of instruments, that are questionnaire, interview and document analysis, were used in this study. The data were analysed descriptively and inferred using the Statistical Package for the Social Science 20.0 (SPSS 20.0) software. The descriptive analysis explains the assessment of the Ulul Albab Program while inferential statistic involves Pearson correlation test on the relationship among the variables. Whereas, supporting data were analysed using voice recording and transcribed according to the theme. The finding shows that the implementation of the hifz program in MRSM Ulul Albab has not met the existing goals and objectives. There are still many students who have not been able to complete the module at the completion of their study. The finding also shows that the teachers' teaching and learning practice is to be improved for the classroom process to be more interesting and effective. Besides, the application of the Quranik Module in the al-Quran teaching and learning process is to be attuned to avoid confusion among the students and teachers. Pearson correlation analysis shows that there is a weak relationship between students' achievement and the Quranik Module implementation level in MRSM Ulul Albab. The conclusion of the study shows that the hifz program is still in moderate assessment level. It has to be emphasized more on serious improvements and implementation to produce high quality *huffaz* for achieving their needs and roles for the society and the nation.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi

SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
JADUAL TRANSLITERASI	xix
SENARAI ISTILAH	xxi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.2.1	Ulul Albab	3

1.2.2	Ulul Albab dalam al-Quran	7
1.2.3	Program Ulul Albab	18
1.2.3.1	Quranik	19
1.2.3.2	Ensiklopedik	20
1.2.3.3	Ijtihadik	21
1.3	Pernyataan Masalah	21
1.4	Objektif Kajian	27
1.5	Soalan Kajian	28
1.6	Hipotesis Kajian	29
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	29
1.7.1	Model CIPP Dalam Penilaian Program Tahfiz di MRSM Ulul Albab	34
1.8	Kepentingan Kajian	36
1.9	Batasan Kajian	36
1.9.1	Fokus Kajian	36
1.9.2	Limitasi Lokasi Kajian	37
1.9.3	Sasaran Kajian	37
1.10	Definisi Operasional Kajian	37
1.10.1	Penilaian	38
1.10.2	Program Tahfiz Ulul Albab	39
1.10.3	Maktab Rendah Sains Mara	40

1.11	Rumusan	40
------	---------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	42
-----	-------------	----

2.2	Pendidikan Tahfiz al-Quran	43
-----	----------------------------	----

2.2.1	Sejarah Pendidikan Tahfiz Zaman Rasulullah s.a.w	43
-------	--	----

2.2.2	Sejarah Pendidikan Tahfiz Zaman Selepas Rasulullah s.a.w	48
-------	--	----

2.2.3	Pendidikan Tahfiz al-Quran MARA	51
-------	---------------------------------	----

2.2.3.1	MRSM Kota Putra	52
---------	-----------------	----

2.2.3.2	MRSM Gemencheh	53
---------	----------------	----

2.2.3.3	MRSM Kepala Batas	54
---------	-------------------	----

2.2.4	Matlamat dan Objektif Pendidikan Tahfiz al-Quran (Program Ulul Albab)	55
-------	---	----

2.2.5	Kaedah Hafazan MRSM Program Ulul Albab	56
-------	--	----

2.2.5.1	Kaedah Gundal	56
---------	---------------	----

2.2.5.2	Kaedah Tahriri	57
---------	----------------	----

2.2.5.3	Kaedah Murajaah	57
---------	-----------------	----

2.3	Kajian Berkaitan	58
-----	------------------	----

2.3.1	Penilaian Menggunakan Model CIPP	58
-------	----------------------------------	----

2.3.2	Kajian Kaedah Pengajaran al-Quran	61
-------	-----------------------------------	----

2.3.3	Perspektif Pelajar Terhadap Sistem Hafazan	67
-------	--	----

2.4	Rumusan	68
-----	---------	----

**BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pendahuluan	69
3.2	Reka Bentuk Kajian	70
3.2.1	Kajian Deskriptif	70
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	72
3.4	Instrumen Kajian	73
3.4.1	Soal Selidik	73
3.4.1.1	Soal Selidik Pelajar	75
3.4.1.2	Soal Selidik Guru	77
3.4.2	Temu bual Separa Berstruktur	78
3.4.3	Analisis Dokumen	79
3.5	Prosedur Melaksanakan Kajian	80
3.6	Kesahan dan Kebolehanpercayaan Instrumen	81
3.6.1	Kajian Rintis	83
3.6.2	Pengumpulan Data Temu Bual Guru dan Pelajar	83
3.6.3	Pengesahan Pakar	84
3.7	Tatacara Analisis Data	85
3.7.1	Analisis Data Instrumen	86
3.7.2	Analisis Data Kualitatif	87
3.8	Rumusan	88



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	89
4.2	Latar Belakang Responden Kajian	90
4.2.1	Profil Pelajar	90
4.2.2	Profil Guru	91
4.3	Dapatan Data Kuantitatif	95
4.3.1	Penilaian Konteks	95
4.3.1.1	Perlaksanaan Program UA	95
4.3.1.2	Rumusan Penilaian Konteks	97
4.3.2	Penilaian Input	97
4.3.2.1	PdP Guru	97
4.3.2.2	Rumusan Penilaian Input	102
4.3.3	Penilaian Proses	103
4.3.3.1	Perlaksanaan MQ	103
4.3.3.2	Rumusan Penilaian Proses	113
4.3.4	Penilaian Produk	114
4.3.4.1	Pencapaian Pelajar	114
4.3.4.2	Hubungan Antara Pencapaian al-Quran Pelajar dengan Tahap Perlaksanaan MQ di MRSM UA	115
4.3.4.3	Rumusan Penilaian Produk	116
4.4	Dapatan Data Kualitatif	117

4.4.1	Perlaksanaan Program UA	117
4.4.2	PdP Guru	118
4.4.3	Perlaksanaan MQ	121
4.5	Rumusan	126

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	127
5.2	Ringkasan Kajian	128
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	130
5.3.1	Penilaian Konteks	130
5.3.1.1	Perlaksanaan Program UA	131
5.3.2	Penilaian Input	135
5.3.2.1	PdP Guru	135
5.3.3	Penilaian Proses	140
5.3.3.1	Perlaksanaan MQ	140
5.3.4	Penilaian Produk	145
5.3.4.1	Pencapaian Pelajar	145
5.3.4.2	Hubungan Antara Pencapaian Pelajar dengan Strategi Guru dalam PdP	146
5.3.4.3	Hubungan Antara Pencapaian al-Quran Pelajar dengan Tahap Perlaksanaan MQ di MRSM UA	146
5.4	Kesimpulan Dapatan Kajian	147
5.4.1	Rumusan Penilaian Konteks	147

5.4.2	Rumusan Penilaian Input	150
5.4.3	Rumusan Penilaian Proses	151
5.4.4	Rumusan Penilaian Produk	153
5.4.5	Rumusan Keseluruhan Penilaian CIPP	154
5.5	Implikasi Kajian	156
5.5.1	Implikasi Penilaian Konteks	157
5.5.2	Implikasi Penilaian Input	158
5.5.3	Implikasi Penilaian Proses	159
5.5.4	Implikasi Penilaian Produk	160
5.6	Cadangan	161
5.6.1	Cadangan kepada Bahagian Pendidikan Menengah MARA	162
5.6.2	Cadangan kepada Pelaksana Kurikulum Tahfiz dan Institusi Perguruan	161
5.6.3	Cadangan Penyelidik Lanjut	163
5.6.3.1	Kajian Tahap Pelaksanaan dan Keberkesanan Program Mini UA Di Institusi MARA	164
5.6.3.2	Kajian Perbandingan Kaedah Hafazan dan Keberkesanan Di Institusi MARA Dengan Institusi Lain	164
5.6.3.3	Kajian Peranan Pihak Pengurusan di MRSM Ulul Abab dalam Membentuk Generasi al-Quran	165
5.7	Penutup	165



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiii

RUJUKAN

166

LAMPIRAN

xviii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

No.Jadual	Muka surat
1.1 Jadual Persoalan Kajian dan Empat Kaedah Penilaian	33
3.1 Skala Likert Lima Mata dan Interpretasi dalam Komponen Penilaian Konteks, Input dan Proses	76
3.2 Instrumen demografi Pelajar	77
3.3 Item Penilaian Proses dari Perspektif Pelajar	77
3.4 Item Penilaian Input Guru	78
3.5 Item penilaian Proses Guru	79
3.6 Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	83
3.7 Dapatan Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	84
3.8 Senarai Panel Pakar Kesahan Kandungan Item Soal Selidik dan Tahap Persetujuan Item Soal Selidik	86
3.9 Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif	87
3.10 Gabungan Interpretasi Min Nunally dan Bentuk Cadangan Perubahan Stufflebeam	88
4.1 Profil bekas pelajar MRSM Ulul Albab	92
4.2 Profil Guru MRSM Ulul Albab	95
4.3 Perspektif Pelajar terhadap Perlaksanaan Program Ulul Albab	97
4.4 Pengetahuan Guru dalam Amalan dan Pembelajaran Tahfiz	101
4.5 Kemahiran Guru dalam Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz	103



4.6	Rumusan Penilaian Input	104
4.7	Strategi Guru dalam Amalan Pengajaran dan Pembelajaran	106
4.8	Kaedah Guru dalam Amalan Pengajaran dan Pembelajaran	107
4.9	Strategi Guru dalam Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Dari Pandangan Pelajar	110
4.10	Kaedah Guru dalam Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Dari Pandangan Pelajar	113
4.11	Rumusan Penilaian Proses	114
4.12	Pencapaian Pelajar	115
4.13	Korelasi Antara Pencapaian Hafazan al-Quran dengan Tahap Pelaksanaan Modul Quranik	117
4.14	Data Temu bual Pelajar Terhadap Pelaksanaan UA	119
4.15	Data Temu bual Pengetahuan Guru Terhadap Amalan Pengajaran dan Pembelajaran	121
4.16	Data Temu bual Kemahiran Guru Terhadap Amalan Pengajaran dan Pembelajaran	122
4.17	Data Temu bual Strategi Guru	123
4.18	Data Temu bual Kaedah Guru Terhadap Pelaksanaan Modul Quranik	124
4.19	Data Temu bual Pelajar Terhadap Strategi Guru dalam Amalan Pengajaran dan Pembelajaran	125
4.20	Data Temu bual Pelajar Terhadap Kaedah Guru	126



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian yang Diubahsuai oleh Penyelidik daripada Model CIPP	36
3.1 Rumusan Reka Bentuk Kajian yang Digunakan oleh Pengkaji	73



SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantuan Mengajar
BIFFAS	Baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar
DPLI	Diploma Pendidikan Lanjutan Ijazah
E-SPPNG	Sistem Penilaian Purata Nilai Gred
GPM	Gred Purata Maktab
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MTAQ	Maahad Tahfiz Al-Quran
MQ	Modul Quranik
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Science</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UA	Ulul Albab
YAB	Yang Amat Berhormat



SENARAI LAMPIRAN

A1	Soal Selidik Pelajar	174
A2	Soal Selidik Guru	180
B	Pengesahan Data Temu bual oleh Responden Kajian	186
C	Borang Pengesahan Pakar	187
D	Borang Pengesahan Kandungan Instrumen (Guru) Oleh Pakar Rujukan	188
E	Contoh Krejie dan Morgan (1970)	189
F	Pakar Kesahan Instrumen	190
G	Contoh Surat Lantikan Pakar	191
H	Contoh Surat Permohonan Penyelidik, Surat Kebenaran Membuat Kajian Dari MARA	192
1	Inventori Protokol Temu bual	194

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	h	حديث	ḥadīth
خ	kh	خالد	khālīd
د	d	ديوان	diwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	raḥmān
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarāb
ش	sh	شمس	shams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمير	damīr
ط	ṭ	طاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	ʿ	عبد	ʿabd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qāḍī
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمارة	mizmār

ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habaṭa
و	w	وصل	waṣala
ي	y	يسار	yasār

Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَ	a	فَعَلَ	Fa ^ʿ ala
اِ	i	حَسِبَ	ḥasiba
اُ	u	كُتِبَ	kutiba

Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَ ، اِ	ā	كاتب ، قاضى	kātib, qaḍā
يِ	ī	كريم	karīm
وِ	ū	حروف	ḥurūf



SENARAI ISTILAH

<i>Asbab Nuzul</i>	Sebab penurunan ayat al-Quran
<i>Badal</i>	Tukar/ganti (salah satu cara bacaan qiraat)
<i>Dai</i>	Pendakwah
<i>Huffaz</i>	Para penghafaz al-Quran
<i>Idah</i>	Mengulang hafazan al-Quran
<i>Imalah</i>	Memiringkan atau membengkokkan (salah satu cara bacaan qiraat)
<i>Jail al-Quran</i>	Generasi al-Quran
<i>Murajaah</i>	Mengulangkaji ayat-ayat yang telah di hafaz
<i>Musyafahah</i>	Pelajar mendengar sebutan guru dengan melihat pergerakan bibir guru dan menyebutnya
<i>Mutasyabihat</i>	Ayat-ayat al-Quran yang hampir serupa
<i>Qurra'Sabah</i>	Ilmuan dalam bidang bacaan al-Quran dan ilmu Qiraat
<i>Qif'ah</i>	Potongan ayat al-Quran
<i>Syafawi</i>	Ujian secara lisan
<i>Tadarus</i>	Membaca al-Quran secara berkumpulan untuk menyemak hafazan
<i>Tahriri</i>	Ujian secara bertulis
<i>Talaqqi</i>	Pertemuan bersemuka dengan guru mmberikan contoh bacaan dan pelajar mengikut bacaan guru
<i>Takrar</i>	Membaca al-Quran secara berulang-ulang kali sehingga terhafaz
<i>Tasmi'</i>	Menyemak bacaan al-Quran dan hafazan al-Quran
<i>Saktah</i>	Berhenti seketika tanpa bernafas (bacaan dalam al-Quran)





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Al-Quran ialah kalam Allah s.w.t yang menjadi kitab perundangan Islam dan sumber rujukan segala ilmu pengetahuan di dunia ini. Ia merupakan kitab suci yang menjadi sumber inspirasi kepada pembangunan tamadun manusia sejagat yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Al-Quran bukan sahaja menjadi rujukan kepada umat Islam, malah yang bukan Islam juga menjadikannya sumber rujukan yang tepat.

Pendidikan al-Quran merupakan suatu cabang ilmu yang fundamental kepada umat Islam. Ia meliputi pengajian dan tatacara pembacaan qirāatnya, kaedah-kaedah hafazan, pengkajian penterjemahan dan tafsir, pengkajian hukum-hukum dan





sebagainya (Abdullah et.al.,2003). Matlamat utama pendidikan al-Quran adalah mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Manakala motif pendidikan al-Quran ialah membina masyarakat yang bertaqwa, masyarakat yang bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran bebas, demokrasi, tidak zalim, tidak sombong dan masyarakat yang berjalan mengikut garis panduan al-Quran (Salleh, 1997:15).

Sejarah pembelajaran al-Quran secara hafazan bermula sejak turunnya ayat pertama dari al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w. Baginda adalah seorang *ummi* iaitu seorang yang tidak berilmu yakni tidak tahu membaca dan menulis (Kamus Mawrid, 1999:172). Rasulullah s.a.w menghafaz ayat al-Quran yang diajarkan oleh malaikat Jibril a.s di gua Hira' ketika wahyu pertama diturunkan baginda. Penurunan al-Quran secara berperingkat membantu dan memudahkan Rasulullah s.a.w untuk menyampaikannya kepada para sahabat yang kemudiannya menghafaz dan memahami isi kandungannya (al-Hafiz, 2002:20-22).

Rasulullah s.a.w menjadikan kaedah hafazan dalam proses pengajaran al-Quran kepada para sahabat. Ini kerana Al-Quran diturunkan kepada Rasulullah s.a.w melalui perantaraan Jibril a.s. secara hafazan. Menghafaz merupakan salah satu kaedah yang penting di dalam mendalami ilmu al-Quran kerana Rasulullah sendiri menggunakan kaedah tersebut. Selain itu, menghafaz al-Quran juga merupakan salah satu cara dan usaha untuk mencegah terputusnya jumlah huffaz yang mutawatir dalam





memelihara al-Quran dan juga mengelak daripada sebarang usaha untuk menyelewengkan dan memalsukan al-Quran.

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Ulul Albab

Manusia diciptakan sebagai makhluk yang memiliki kelebihan dan keistimewaan dibandingkan dengan makhluk yang lain. Ini kerana manusia dianugerahkan potensi yang luar biasa iaitu akal untuk membezakan manusia dari makhluk Allah yang lain, serta keintelektualan dan bentuk jasad sempurna yang diciptakan Allah kepadanya. Hal



ini membawa manusia kepada kemampuan untuk berfikir dan memungkinkan pula baginya untuk mengamati dan menganalisis apa-apa yang diciptakan oleh Allah di atas muka bumi ini. Di sebabkan manusia ini mampu berfikir maka Allah menjadikannya sebagai makhluk yang diberi amanah untuk dapat beribadah kepada-Nya serta diberi tanggung jawab dengan segala pilihan dan keinginan dan sekaligus terpilih menjadi khalifah di bumi ini.

Hal ini menunjukkan bahawa kasihnya Allah pada manusia sehingga diberi keistimewaan dan kepercayaan mentadbir alam ini dengan menggunakan akal fikiran dengan sebaik-baiknya. Sehingga Allah menjelaskan di dalam al-Quran bahawa Allah





memuji orang-orang yang gemar menggunakan akal sepertimana yang telah disebutkan di dalam al-Quran firmanNya :

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

Terjemahannya:

“ (Iaitu) orang-orang Yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini Dengan sia-sia, Maha suci engkau, maka peliharalah Kami dari azab neraka.”

Justeru dari segi maksud umumnya, semua umat manusia diberi peringatan agar sentiasa memerhati dan mengambil iktibar dari kejadian di sekeliling mereka. Akhirnya pemerhatian tersebut menjurus ke arah keagungan dan keesaan Tuhan yang satu.

Dalam ucapan Abdullah (2004) menyatakan bahawa Ulul Albab atau golongan yang berakal sempurna, sepertimana yang disebut dalam Al Quran adalah mereka yang mempunyai kekuatan akal fikiran, yang menguasai sains, falsafah dan





teknologi. Justeru, ini membawa maksud kepada satu tuntutan agar umat Islam menggerakkan minda dan yang lebih penting menguasai sains dan teknologi agar dapat terus kekal relevan di zaman moden ini.

Perkataan Ulul Albab ini telah disebut oleh Allah sebanyak 16 kali di dalam al-Quran. Ini bermaksud betapa pentingnya golongan seumpama ini wujud di atas muka bumi Allah ini. Hal ini tidak boleh dipandang remeh kerana dari 10 negara yang termiskin di dunia iaitu pendapatan rakyatnya yang kurang USD 1 dalam sehari, 6 antaranya ialah negara Islam (Idris, 2009). Selain dari itu Klaus Schwab (2013) menyatakan bahawa dari 10 negara yang tersenarai dalam “*Growth Competitiveness Index 2013-2014*” oleh *The World Economic Forum*, tiada tersenarai Negara Islam .



Maka keadaan ini menunjukkan kelemahan yang sangat ketara dalam kalangan Negara dan umat Islam. Negara Islam tidak mampu untuk bersaing di peringkat global. Walaupun umum mengetahui umat Islam lemah dan ditindas namun ini tidak bermakna ia tiada jalan penyelesaiannya. Penguasaan minda dan akal fikiran merupakan jalan keluar dari kemelut ini dan inilah yang dimaksudkan dengan Ulul Albab.

Di sini terdapat kelebihan umat Islam yang patut direbut yang mana mereka diberi peringatan sebanyak 16 kali tentang ulul albab di dalam al-Quran (Arief , 2014). Peringatan dan pemerhatian harus dijadikan iktibar dan seterusnya sebagai pendorong manusia untuk memanfaatkan hasil dapatan dan kesejahteraan manusia.

